

29 MAY 2002

Moggie-ICT (Bergambar)/I

MALAYSIA DAN SRI LANKA CAPAI PERSETUJUAN MENGENAI PEMBANGUNAN ICT

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Malaysia dan Sri Lanka hari ini bersetuju untuk mewujudkan satu Program Kerjasama Antara Kerajaan (IGCP) mengenai pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Menurut satu kenyataan bersama yang dikeluarkan hari ini IGCP dimulakan selepas Perdana Menteri Sri Lanka Ranil Wickremesinghe menyatakan minatnya berhubung hal itu kepada rakan sejawatannya di Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"IGCP antara Malaysia dan Sri Lanka adalah selaras dengan wawasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi kerjasama serantau lebih akrab dan pemindahan pengetahuan dan kemahiran antara negara-negara membangun," menurut kenyataan itu.

Kenyataan bersama itu dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan Menteri Pembaharuan Ekonomi, Sains dan Teknologi Sri Lanka. Milinda Moragoda, yang mengunjungi rakan sejawatannya Datuk Amar Leo Moggie di sini, hari ini. Moragoda berada dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia yang bermula semalam.

Menurut kenyataan itu, IGCP buat permulaan akan meninjau kerjasama dan perkongsian pengetahuan dalam bidang-bidang antara lain:

- * pembangunan pelbagai peringkat pendidikan dan sumber manusia,
- * penubuhan program penggalakkan pelaburan berterusan bagi usahasama berkaitan ICT,

- * pembaharuan ICT dan mekanisme rumusan dasar bertujuan memaksimumkan dividen pengguna, pembangunan kebangsaan dan kemajuan teknologi seluruh negara khususnya berkaitan dengan pewujudan infrastruktur dan aplikasi.

Menurut kenyataan itu para pegawai kedua-dua negara telahpun mengadakan perbincangan awal semasa lawatan Moragoda ke sini.

Struktur dan program kerja dalam IGCP akan wujudkan kelak, menurutnya lagi.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Moggie berkata pengalaman Malaysia dalam ICT telah menarik minat banyak negara termasuk Sri Lanka.

Beliau berkata kerajaan Sri Lanka juga berminat untuk mengetahui lanjut mengenai pembangunan Universiti Multimedia Malaysia.

Moggie berkata mungkin satu institusi pengajian tinggi berkaitan di Sri Lanka boleh bekerjasama dengan Universiti Multimedia dalam bidang seperti program pertukaran dalam program latihan dan pembelajaran jarak jauh.

Beliau berkata Syarikat Telekom Malaysia juga telah melabur dalam sebuah syarikat pengendali telefon selular di Sri Lanka.

-- BERNAMA

HM MAM PR